BAHAGIAN A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.



1. " _____ tidak akan memberikan keampunan kepada tuan hamba !" titah Tuanku Muadzam dengan murka.

   A. Beta C. Patik

   B. Saya D. Baginda

2. Kassim _____ bola dengan kuat hingga terkena pasu bunga neneknya.

   A. menolak C. menggelecek

   B. menyepak D. memegang

3. Beberapa ekor burung murai _____ di atas dahan pokok di belakang rumah Amran.

   A. berdesir C. berkicau

   B. berkokok D. bersiul

LIVEWORKSHEETS

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Mereka _____ sambil minum petang di anjung rumah.

A. bertitah C. bergurau

B. berfikir D. bersembang

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Pak Samad _____ basikalnya ketika menuruni bukit yang agak curam itu.

A. menonton B. memegang

B. mengheret D. menuntun

6. Kereta yang dipandu oleh ibu bergerak dengan _____ kerana jalan sesak.

A. lancar C. lajak

B. perlahan D. cermat


7. Pak Abu menggunakan _____ gergaji untuk memotong buluh bagi membuat tabung yang diminta anak saudaranya.

A. sepucuk C. sebilah

C. sebatang D. selaras

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.

LIVEWORKSHEETS



8. Kamil dan rakannya sedang mengait beberapa _____ buah rambutan dengan sebatang galah.

A. ikat
C. cekak
B. gugus
D. tangkai

9. Tulisan Zaim seperti _____ dan selalu ditegur oleh guru kelasnya.

A. kaki ayam
C. ayam tambatan
B. cakar ayam
D. berat mulut

10. Mak Cik Esah _____ melihat barang permainan yang berselerak di ruang tamu itu.

A. sakit mata
C. main mata
B. sengkang mata
D. putih mata

11. Puan Salwa bersetuju _____ harga beg tangan yang ditawarkan oleh peniaga itu.

A. dengan
C. untuk
B. kepada
D. daripada

12. Nahas helikopter itu telah _____ juruterbang dan penumpang yang dipercayai berpunca daripada kerosakan enjinnya.

A. mengorbankan
C. memusnahkan
B. mematikan
D. menguburkan

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.

LIVEWORKSHEETS



13. Ayah telah _____ sebentuk cincin kepada ibu pada hari ulang tahun perkahwinan mereka.

A. dihadiahi
C. menghadiahi
B. dihadiahkan
D. menghadiahkan

14. I Cuaca buruk menyebabkan permainan ini terpaksa dibatalkan.
II Rumah yang buruk itu kelihatan baharu setelah dicat semula.
III Menjual besi buruk juga boleh dijadikan sumber pendapatan sampingan.
IV Salman tidak mempunyai banyak kawan kerana sikunya buruk.

A. I dan III
C. I, II dan III
B. III dan IV
D. I, II, III dan IV

15. I Pihak polis telah berjaya menahan penjenayah yang kejam itu.
II Kamilah berjalan tergesa-gesa lalu menahan sebuah teksi.
III Bekalan makanan untuk mangsa banjir itu menahan untuk seminggu.
IV Ayah menahan pagar yang condong itu dengan sebatang kayu.

A. I, II dan III
B. II, III dan IV
B. I, II dan IV
D. I, II, III dan IV

16. Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

LIVEWORKSHEETS

Mengapakah kamu gemar mengulang kaji pelajaran pada waktu malam ?

A. Saya gemar mengulang kaji pelajaran di bilik bacaan.

B. Saya lebih tenang mengulang kaji pelajaran pada waktu itu.

C. Saya lebih suka mengulang kaji pelajaran secara bersendirian.

D. Saya mengulang kaji semua mata pelajaran penting pada masa itu.

Soalan 17 hingga 20

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PERTANDINGAN BERCERITA

Persatuan Bahasa Malaysia SK Tun Abdullah Badawi akan menganjurkan pertandingan bercerita sempena Minggu Bahasa Malaysia. Butir-butir pertandingan adalah seperti yang berikut :

Tarikh : 12 Mac 2016

Masa : 8.00 pagi

Tema : Kasih Sayang

Tempat : Dewan Sekolah Wawasan

Peserta : Terbuka kepada murid Tahap 2

Tarikh tutup penyertaan : 28 Februari 2016

Hadiah :

Pemenang pertama – Hadiah wang tunai sebanyak RM 100.00

Pemenang kedua - Hadiah wang tunai sebanyak RM 80.00

Pemenang ketiga - Hadiah wang tunai sebanyak RM 50.00

5 pemenang sagu hati – Hadiah wang tunai sebanyak RM 20.00

Semua pemenang akan diberi sijil penghargaan

Sesiapa yang berminat hendaklah mendapatkan borang penyertaan daripada Cikgu Hayati.

17. Mengapakah pertandingan itu diadakan ?

LIVEWORKSHEETS

A. Untuk menyemai semangat kasih sayang dalam kalangan guru dan murid.

B. Untuk memupuk bakat murid-murid dalam bercerita.

C. Untuk memilih murid yang bakal mewakili sekolah ke peringkat daerah.

D. Untuk memenuhi aktivti sempena Minggu Bahasa Malaysia di sekolah.

18. Siapakah yang tidak layak menyertai pertandingan bercerita tersebut ?

A. Ahmad Zawir dari Kelas Empat Kuning.

B. Jaffery Shah dari Kelas Tiga Ungu

C. Jamilah dari Kelas Lima Hijau

D. Sashveen dari Kelas Enam Merah.

19. Berapakah jumlah wang tunai yang ditawarkan untuk pemenang sagu hati ?

A. RM 20.00 C. RM 80.00

B. RM 60.00 D. RM 100.00

20. Bagaimanakah cara untuk menyertai pertandingan bercerita tersebut ?

A. Mendapatkan borang penyertaan daripada guru kelas masing-masing.

B. Mendapatkan borang penyertaan daripada guru penasihat persatuan.

C. Mendapatkan borang penyertaan daripada Cikgu Hayati.

D. Mendapatkan borang penyertaan daripada wakil persatuan.

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS